

# NADAYU PROPERTIES LANCAR PROJEK HARTANAH

» Tawar kediaman penuh cita rasa pengguna masa kini

Oleh Zuraidah Mohamed  
zmohamed@bh.com.my

**N**adayu Properties Bhd, akan melancarkan projek hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) lebih RM1 bilion sepanjang tahun ini, sebahagian besar membabitkan pembinaan unit kediaman di Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Ketua Eksekutifnya, Mohd Farid Nawawi (**gambar**), berkata Nadayu Properties yang sebelum ini dikenali sebagai Mutiara Goodyear Development Bhd menumpukan pembangunan hartanah bersaiz sederhana serta kepelbagaian produk ditawarkan yang mengikut kehendak pengguna masa kini.

Bisnes B2

182 UNIT apartmen dilengkapi perabot asas

## Nadayu62 @ Melawati terima sambutan menggalakkan

◉ Dari muka B1

Katanya, terbaru syarikat itu akan melancarkan projek terbarunya, Nadayu62 @ Melawati bernilai RM91 juta yang menawarkan 182 unit apartmen dilengkapi perabot asas yang dijual daripada harga RM612,000 seunit.

Nadayu62 @ Melawati akan dibangunkan di kawasan seluas kira-kira 0.8 hektar yang dijangkakan siap sepenuhnya pada 2017.

Ia terdiri daripada dua blok apartmen setinggi 20 tingkat yang dikelilingi oleh Hutan Simpan Kemensah.

"Setakat ini, kami menerima sambutan memberangsangkan bagi projek Nadayu62 @ Melawati, walaupun sebelum pelancaran rasminya yang dijadualkan bulan ini.

"Lebih menarik, kami menawarkan diskaun sehingga 17 peratus kepada pembeli Bumiputera, termasuk 10 peratus rebat standard," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Farid berkata, setiap unit Nadayu62 @ Melawati berkeluasan antara 950 kaki persegi hingga 2,015 kaki persegi dilengkapi keperluan utama seperti kabinet dapur dengan tempat memasak, peti sejuk, tempat mencuci dan pengering, pencahayaan asas, penyaman udara, kipas siling dan almari pakaian yang siap dipasang di semua bilik tidur.

Katanya, syarikat berkenaan kini mempunyai simpanan tanah berkeluasan hampir 36 hektar yang sebahagian besarnya di Melawati, selain di Sunway, Cyberjaya dan Pulau Pinang.

"Bagaimanapun, kami akan terus meninjau peluang untuk meningkatkan kawasan simpanan tanah syarikat bagi membangunkan lebih banyak projek kediaman dan komersial, sekali gus mengukuhkan nama Nadayu di pasaran," katanya.

### Bina kediaman jenis SOHO

Beliau berkata, didorong oleh permintaan pasaran syarikat juga akan melancarkan projek membabitkan pembinaan 338 unit kediaman jenis pejabat kecil rumah pejabat (SOHO) di Melawati, tahun ini.

"Projek ini membabitkan pembinaan unit SOHO dan ruang komersial bernilai RM205 juta. Namun, harga jualannya belum ditetapkan kerana kami mahu melihat sambutan pasaran dan faktor lain, termasuk pinjaman bank," katanya.

Dalam pada itu, Farid berkata, syarikat juga akan melancarkan kediaman superlink di Cyberjaya yang dijangkakan pertengahan tahun ini, membabitkan pembinaan 132 unit kediaman bernilai RM200 juta.

"Projek ini akan dibangunkan di kawasan seluas 5.2 hektar membabitkan pembinaan 132 unit kediaman superlink yang akan dijual bermula dari RM1.1 juta, selain 10 unit pejabat kedai," katanya.

Beliau berkata, syarikat menerusi anak syarikatnya, Affin-i Nadayu Sdn Bhd juga melancarkan projek Nadayu 290, iaitu pembangunan 527 unit kondominium dan suite servis serta hotel yang terletak di Bukit Gambir, Pulau Pinang.